



**Teks Ucapan
Ketua Pengarah Agensi Nuklear Malaysia**

**Majlis Perasmian Program Permurniaan Cadangan Projek
R&D Agensi Nuklear Malaysi Untuk Permohonan
Dana MOSTI(TED1/TED2)**

**28-30 Ogos 2022
Hotel IBIS, Melaka**

Terima kasih Tuan pengacara majlis,

Assalamu'alaikum, Salam sejahtera,

YBrs. Dr. Rosli bin Darmawan

Timbalan Ketua Pengarah,
Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi, Agensi Nuklear
Malaysia

YBrs. Dr.Rasif bin Mohd Zain

Pengurus,
Pusat Pengurusan Penyelidikan(RMC)

YBrs. Encik Shahzari bin Hussin

Ketua Penolong Setiausaha
Bahagian Dana, MOSTI

YBrs. Dr. Abdul Kadir b. Masrom

Panel Dana MOSTI dan

Mantan Pengurus Besar, Group Marketing, Regional Offices and International Business SIRIM

YBrs. Ts. Dr. Sazalinsyah bin Razali

Panel Dana MOSTI dan

Timbalan Pengarah, Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Univerisiti Teknikal Melaka (UTEM)

Seterusnya, Pegawai Penyelidik yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya dapat kita bersama-sama berhimpun pada **Program Permurniaan Cadangan Projek R&D Agensi Nuklear Malaysia Untuk Permohonan Dana MOSTI** yang akan berlangsung selama tiga hari iaitu bermula hari ini 28 Ogos hingga 30 Ogos 2022 di Hotel IBIS, Melaka ini.

Terima kasih kepada semua peserta, penceramah dan fasilitator yang dapat hadir.

2. Agensi Nuklear Malaysia merupakan agensi kerajaan yang menjalankan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan teknologi nuklear ke arah menjana ekonomi negara berasaskan inovasi. Sejajar dengan fungsi Nuklear Malaysia, penyelidikan dan pembangunan projek-projek R&D yang mantap merupakan keperluan yang amat penting.

3. Bagi tujuan ini, elemen yang melibatkan panduan, tatacara, permohonan dan pelan perancangan dalam membangunkan R&D yang strategik amat diperlukan bagi menyokong supaya ia akan lebih produktif dan memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan.
4. Bagi merealisasikan hasrat ini, RMC Nuklear Malaysia terpanggil untuk menganjurkan program pemurnian ini dengan harapan agar pegawai penyelidik Nuklear Malaysia dapat didedahkan dengan panduan dalam membuat permohonan dana MOSTI, membantu dalam penyediaan dan memurnikan cadangan projek R&D yang telah disediakan. Selain itu, pegawai penyelidik dapat diberi pendedahan dalam menghasilkan dan memantapkan cadangan projek R&D yang menepati skop garis panduan serta panel penilai dana MOSTI.
5. Untuk makluman semua, sebanyak sebelas (11) cadangan projek R&D yang akan dimurnikan oleh fasilitator panel dana MOSTI dalam program ini. Setakat ini hanya tiga (3) cadangan projek Ted1 yang telah dikemukakan kepada pihak MOSTI dan dua (2) daripadanya telah berjaya mendapatkan dana Ted1 ini dengan jumlah keseluruhan RM 734,699.00. Bilangan permohonan yang masih rendah ini mungkin disebabkan kurangnya kefahaman Pegawai Penyelidik berkenaan garis panduan permohonan dan info teknikal yang perlu diisi dalam borang berkenaan.
6. Sehubungan itu, melalui program ini diharapkan penceramah dan fasilitator jemputan dapat membantu Pegawai Penyelidik yang

hadir untuk memurnikan cadangan projek R&D yang disediakan dan bagi membuka ruang dan peluang kepada pegawai penyelidik ini memperolehi dan berjaya mendapatkan peruntukan dana daripada MOSTI. InsyaAllah.

7. Akhir kata semoga program selama tiga (3) hari ini dapat berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.
8. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Program Permurniaan Cadangan Projek R&D Agensi Nuklear Malaysia Untuk Permohonan Dana MOSTI.

Sekian, terima kasih